

'PM tidak paksa sesiapa'

BH 27 FEB 1987

PASIR PUTEH, Sabtu — Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Sanusi Junid, hari ini menafikan dakwaan kononnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memaksa timbalannya, Encik Ghafar Baba, melantik pemimpin tertentu sebagai Timbalan Perdana Menteri apabila tiba masanya beliau mengundurkan diri.

Katanya, dakwaan itu kini menjadi buaian di serata negeri, "dan selaku Setiausaha Agung Umno, saya mesti menjelaskan bahawa semua itu adalah karut semata-mata dan meminta ahli-ahli Umno tidak terpengaruh dengannya."

Menurutnya, ada pihak sengaja menghebohkan perkara itu untuk kepentingan diri menjelang perhimpunan agung Umno April depan.

Menteri Pertanian kesal dakwaan itu menjejaskan maruah Perdana Menteri, di samping mempertikai kewibawaan Timbalan Perdana Menteri. Ia juga mewujudkan perasaan serba-salah di kalangan pemimpin negara.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan persidangan agung perwakilan Umno Bahagian Pasir Puteh, di Dewan Majlis Daerah, di sini, beliau berkata, Datuk Seri Dr Mahathir tidak pernah dan tidak mungkin berbuat demikian.

"Perkara seumpama itu tidak pernah diamalkan oleh mana-mana Perdana Menteri sebelum ini," katanya.

Menurutnya, Datuk Seri Dr Mahathir tidak akan memaksa Encik Ghafar melantik sesiapa pun, lebih-lebih lagi sesiapa yang dikatakan sebagai 'orang pilihan Mahathir' sebagai Timbalan Perdana Menteri apabila beliau sendiri (Encik Ghafar) menerajui kerajaan.

Ini kerana, kuasa melantik mana-mana menteri, lebih-lebih lagi Timbalan Perdana Menteri adalah hak, budibicara dan kuasa istimewa Perdana Menteri seperti yang termaktub dengan jelas dalam perlembagaan negara.

Penjelasan

Bagaimanapun menjadi kebiasaan mereka yang dilantik mendapat keyakinan Perdana Menteri untuk membantunya mentadbir kerajaan.

Katanya, perlantikan Encik Ghafar menggantikan Datuk Musa Hitam yang meletak jawatan tahun lalu tentulah kerana Datuk Seri Dr Mahathir yakin timbalannya itu dapat membantu beliau menerajui kepemimpinan kerajaan.

Beliau berharap, penjelasan beliau itu dapat meredakan perasaan cemburu sesama sendiri, di samping mengurangkan keghairahan pihak tertentu sehingga sanggup

menjual nama Perdana Menteri.

"Yang lebih penting, Umno tidak mahu nama baik dan maruah Perdana Menteri dan timbalannya digadaikan untuk kepentingan diri," tegasnya.

Sebelum itu, sewaktu berucap di majlis berkenaan, Datuk Seri Sanusi berkata Umno tidak akan berakhir pada 24 April depan semata-mata kerana adanya pemilihan kepemimpinan.

"Sebaliknya, tarikh itu memberi peluang kepada semua ahlinya memikirkan langkah-langkah jitu bagi menghadapi hari-hari depan yang mencabar," katanya.

Mengenai pemilihan pelbagai peringkat kepemimpinan dalam Umno, Datuk Seri Sanusi mahu enam perkara asas dijadikan panduan.

Perkara-perkara itu ialah Pemimpin mesti daripada peringkat bawahan, bersikap demokratik, kemampuan melihat kebaikan walaupun pada pihak lawan, jangan menyakitkan hati orang lain ketika berkempen, patuh kepada perlembagaan parti dan tahu mengenang budi.

Beliau berkata, pelaksanaan Etika Pemilihan jelas berkesan kerana sejak ia diwujudkan tidak ada kejadian yang tidak diingini dilaporkan berlaku.

Turut hadir di majlis itu ialah Ahli Exco Kerajaan Negeri, Haji Mustapha Yaacob serta Haji Ahmad Shahibudin Mohd Nor